

Index
No.

						-	
--	--	--	--	--	--	---	--

AKAR EDUCATION
PEPERIKSAAN SEKOLAH MENENGAH

BMS2EN/1

SECONDARY 2 EXP/NA
SPECIMEN PAPER 2

BAHASA MELAYU
(KERTAS 1)

MALAY
(PAPER 1)

Additional Materials: Writing Paper

Total Time: 2 h

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Do not turn over this page until you are told to do so.
2. Follow all instructions carefully.
3. Write your answer in the Answer Book provided.
4. An approved dictionary may be used.



This question paper consists of 3 printed pages.

Jawab **dua** soalan, satu daripada **Bahagian A** dan satu daripada **Bahagian B**.

BAHAGIAN A (20 markah)

Arahan: Tulis e-mel yang panjangnya tidak kurang daripada 100 patah perkataan berdasarkan **satu** daripada soalan-soalan berikut.

1. Kamu baru sahaja menerima e-mel daripada seorang rakan. Baca e-mel itu dan berikan respons kamu terhadap perkara-perkara yang terkandung dalam e-mel tersebut.

The screenshot shows an email client interface. At the top, there is a toolbar with icons for menu, folders, trash, mail, star, heart, reply, reply all, and print. Below the toolbar, on the left, is a circular profile picture of a person. To the right of the profile picture are three input fields: 'Kepada: radiah@gmail.com', 'Daripada: puteri@pintar.com', and 'Subjek: Masalah'. Below these fields, the text 'Tarikh: 3 Mei 2019' is displayed. The body of the email starts with 'Radiah' as a salutation. The main text of the email reads: 'Apa khabar Radiah? Semoga awak berada dalam keadaan sihat sejahtera. Tujuan saya menulis e-mel ini adalah untuk berkongsi masalah yang sedang saya hadapi. Semalam saya telah terjumpa sebuah telefon bijak jenama iPhone XS Max di dalam sebuah tandas di pusat beli-belah Far West Plaza. Saya sudah lama menginginkan telefon yang baharu. Maklumlah, telefon yang saya ada sekarang sering rosak. Apakah pendapat awak? Adakah wajar jika saya menganggapnya sebagai satu rezeki yang datang bergolek? Soalnya, saya sudah cuba bertanya-tanya kepada orang di pusat beli-belah itu namun semuanya berkata ia bukan miliknya. Sampai di sini sahaja e-mel saya untuk kali ini. Sehingga kita bertemu lagi pada lain kesempatan. Sekian terima kasih.' The email ends with 'Salam hormat' and 'Puteri'.

Kepada: radiah@gmail.com

Daripada: puteri@pintar.com

Subjek: Masalah

Tarikh: 3 Mei 2019

Radiah

Apa khabar Radiah? Semoga awak berada dalam keadaan sihat sejahtera.

Tujuan saya menulis e-mel ini adalah untuk berkongsi masalah yang sedang saya hadapi. Semalam saya telah terjumpa sebuah telefon bijak jenama iPhone XS Max di dalam sebuah tandas di pusat beli-belah Far West Plaza. Saya sudah lama menginginkan telefon yang baharu. Maklumlah, telefon yang saya ada sekarang sering rosak.

Apakah pendapat awak? Adakah wajar jika saya menganggapnya sebagai satu rezeki yang datang bergolek? Soalnya, saya sudah cuba bertanya-tanya kepada orang di pusat beli-belah itu namun semuanya berkata ia bukan miliknya.

Sampai di sini sahaja e-mel saya untuk kali ini. Sehingga kita bertemu lagi pada lain kesempatan. Sekian terima kasih.

Salam hormat

Puteri

2. Baca informasi yang berikut. Berdasarkan butiran yang diberikan, tulis e-mel yang sesuai.

Baru-baru ini, kamu telah terlihat sekumpulan pelajar yang lebih tua daripada kamu membuli pelajar yang lebih muda. Kamu tidak tahu apa ingin lakukan kerana jika kamu masuk campur, kamu juga akan menjadi mangsa.

Tuliskan sebuah e-mel kepada guru disiplin sekolah kamu untuk memberitahu masalah yang kamu hadapi. Nyatakan juga dengan terperinci bila dan bagaimana pelajar itu dibuli. Sertakan juga maklumat-maklumat yang boleh membantu guru kamu mengenal pasti pembuli tersebut.

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim: musa@pintar.com atau

mastura@pintar.com

Alamat penerima: Joseph_Fernandez@SainttAndes.moe.sg

BAHAGIAN B (40 markah)

Arahan: Tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 200 patah perkataan mengenai **satu** daripada tajuk-tajuk di bawah ini.

3. Kamu telah terlelap di dalam bas. Apabila kamu menyedarinya, bas itu telah pun diletakkan di tempat meletak bas dan kamu terperangkap di dalamnya seorang diri. Gambarkan perasaan kamu pada waktu itu dan nyatakan tindakan kamu seterusnya.
4. Tulis sebuah cerita yang mengisahkan peribahasa *ingat sebelum kena, jimat sebelum habis*.
5. Tulis sebuah karangan **berakhir** dengan:

“Dompot itu aku buka. Terpapar sekeping gambar hitam putih. Apa yang tinggal kini hanyalah kenangan.”

SELESAI